

25/07/1999

Pelajar Bumiputera kurang daya bersaing

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan kebimbangan beliau terhadap prestasi pelajar Bumiputera, yang dikatakan tidak seimbang dengan pencapaian pelajar bukan Bumiputera kerana terbabit dengan pelbagai kegiatan, termasuk politik. Malah, ketidakseimbangan pencapaian itu lebih ketara dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan ini boleh menimbulkan perasaan iri hati dan menjejaskan kestabilan politik. Wartawan Berita Minggu, Raihanah Abdullah mendapatkan gambaran mengenainya daripada Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berhubung perkara itu.